

Percuma



[www.jomsolah.com](http://www.jomsolah.com)

كوليقيسي دعاء دان ذيکیر

# **Koleksi Doa & Zikir**

---

***Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh  
Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam***

Oleh: Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

BA SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,  
Diploma Pendidikan (KPL) Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak



www.jomsolah.com

كوليقيسي دعاء دان ذيکیر

# Koleksi Doa & Zikir

**Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh  
Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam**

Kandungan oleh :

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

Grafik :

JOMSOLAH DOTCOM

**Koleksi Doa & Zikir, Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar  
Oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam**

Jom Solat (2013)

Cetakan 1437 H • 2016 Masihi

Buku Koleksi Doa dan Zikir, Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ini adalah percuma. **Tidak dibenarkan** mengeluar semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain untuk tujuan perniagaan atau perkara-perkara yang melibatkan keuntungan.

Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk penghasilan dan mencetak buku Koleksi Doa dan Zikir, ini.

*"Ya Allah, terimalah amal kami yang sedikit ini dan jadikanlah amalan tersebut ikhlas semata-mata mengharapkan redha-Mu."*



Penerbit

**JOMSOLAH DOTCOM**  
(002401187-M)

[www.jomsolah.com](http://www.jomsolah.com)  
[www.facebook.com/jomsolah](http://www.facebook.com/jomsolah)



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

## Kata-Kata Aluan Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam, kaum keluarganya, para sahabatnya dan para pengikutnya.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku kecil **Koleksi Doa dan Zikir; Adab dan Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam** ini dapat diterbitkan untuk tatapan dan panduan para pembaca muslimin dan muslimat. Buku ini disusun oleh Ustaz Salehuddin bin Abu Samah, Penolong Pengurus, Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Kuala Lumpur dan dibantu dari sudut grafiknya oleh JomSolah DotCom.

Pada hemat saya, buku kecil ini telah disusun dengan cara merujuk kepada sumber yang jelas dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik. Huraian ringkas tentang adab-adab berdoa, perkara-perkara yang membantu ke arah mustajabnya doa, perkara-perkara yang menjadi penghalang kepada mustajabnya doa, koleksi doa dan zikir daripada Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam dan perincian yang berkaitan dengannya dibentangkan dengan cara yang menarik, mudah dan senang untuk difahami.

Mudah-mudahan, usaha ke arah mengajak masyarakat untuk berdoa dan berzikir kepada Allah dengan kaedah yang tepat seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ini akan diberkati Allah 'Azza Wa Jalla.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak dan para penyumbang yang budiman yang sudi mencetak buku ini untuk disebarluaskan kepada masyarakat.

Saya sebagai Mufti Wilayah Persekutuan berharap agar buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua kelompok lapisan masyarakat. Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan lagi dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan menyebarkan buku yang bermanfaat ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah 'Azza Wajalla.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI".

S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI  
Mufti Wilayah Persekutuan

# PELUANG INFQAQ FISABILILLAH

UNTUK PERCETAKAN DAN PENYEBARAN BUKU TERBITAN  
JOMSOLAH DOTCOM



Jazakumullahu khaira di atas sumbangan dan infaq daripada semua para penyumbang yang budiman. Semoga Allah Taala menerima amalan kita semua dan menjadikan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا وَبَارَكَ اللَّهُ فِيمُكُمْ



No. Akaun **JomSolah DotCom**  
**5643 5150 8075** - Maybank Islamic

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ أَبْتِغَاءَ  
مَرَصَاتٍ إِلَّا وَتَشَيَّتاً مِنْ أَنْفُسِهِمْ  
كَمَثَلُ جَنَّةٍ بِرِّيَّةٍ أَصَابَهَا وَأَبْلَى فَقَاتَتْ  
أَكْلَهَا ضِعَفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصْبِهَا وَأَبْلَى<sup>٣٦٥</sup>  
فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai).

Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

(Surah Al Baqarah, ayat 265)



وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الْدَّاعِ إِذَا دَعَانِ<sup>ص</sup>  
فَلَيَسْتَحِبُّوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ<sup>ص</sup>



Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.

(Surah Al-Baqarah, ayat 186)



# Kandungan

## Bahagian 1

8

Pengertian Doa	10
Dalil Pensyariatan Doa	12
Pembahagian Doa	11
Doa Ibadah	12
Doa Permohonan	13
Adab Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam	14
Perkara Yang Boleh Membantu Ke Arah Mustajabnya Doa, Biiznillah (Dengan Izin Allah)	22
Perkara-Perkara Yang Menjadi Penghalang Kepada Mustajabnya Doa	28

## Koleksi Doa & Zikir

38

Doa Mohon Diri Sendiri Dan Zuriat Agar Sentiasa Mendirikan Solat	39
Doa Masuk Ke Dalam Masjid	40
Doa Keluar Dari Masjid	41
Doa Selepas Tahiyat Akhir Sebelum Salam	42
Bacaan Sujud Sajadah Atau Tilawah	43
Doa Keluar Dari Rumah	44
Doa Masuk Ke Dalam Rumah	45
Doa Pada Waktu Pagi	46
Zikir Pagi & Petang	47
Doa Petang	48
Doa Sebelum Tidur	49
Doa Bangun Tidur	50
Doa Ketika Terkejut Di Tengah Malam	41
Doa Ketika Menziarahi Pesakit	52
Bacaan Sebelum Wuduk	53
Bacaan Selepas Wuduk	54
Doa Ketika Ditimpak Sesuatu Yang Tidak Diingini	55
Doa Mohon Selamat Daripada Hutang	56
Doa Kepada Seseorang Yang Baru Menerima Cahaya Mata	57



# Kandungan

Doa Kepada Orang Yang Mendoakan Kepada Seseorang Yang Baru Menerima Cahaya Mata	58	Doa Ketika Bersin	74
Doa Mohon Pelindungan Untuk Anak	59	Doa Minta Selamat Daripada Syirik Kepada Allah	75
Doa Ketika Ditimpa Rasa Sedih Dan Dukacita	60	Doa Penutup Majlis (Tasbih Kaffarah)	76
Doa Ketika Ditimpa Sesuatu Musibah	61	Doa Apabila Memasuki Bulan Ramadan	77
Doa Ketika Ditimpa Rasa Sedih Dan Dukacita	62	Doa Ketika Melihat Anak Bulan Ramadan	78
Doa Agar Dipermudahkan Segala Urusan	63	Doa Ketika Berbuka Puasa	79
Doa Orang Musafir Kepada Orang Bermukim	64	Doa Ketika Berbuka Puasa Di Rumah Orang Lain	80
Doa Orang Bermukim Kepada Orang Musafir	65	Doa Malam Lailatul Qadar	81
Doa Ketika Berhenti Atau Menginap Di Sesuatu Tempat	66	Ucapan Sempena Hari Raya	82
Doa Tetamu Kepada Tuan Rumah	67	Doa Ketika Memakai Pakaian	83
Doa Ketika Angin Kencang	68	Doa Ketika Memakai Pakaian Baharu	84
Doa Ketika Mendengar Guruh	69	Doa Apabila Melihat Orang Memakai Pakaian Baharu	85
Doa Ketika Hujan Turun	70	Doa Ketika Menanggalkan Pakaian	86
Doa Kepada Seseorang Yang Melakukan Kebaikan Kepada Kita	71	Zikir Selepas Bangun Dari Tidur	87
Doa Kepada Pengantin	72	Zikir Pagi Dan Petang	88
Doa Pengantin Lelaki Kepada Pengantin Perempuan	73	Zikir Pagi	92
		Zikir Petang	93
		Zikir Ketika Berada Dalam Kesusahan	94
		Zikir Selepas Solat	96
		Rujukan	99





[www.jomsolah.com](http://www.jomsolah.com)

# Bahagian 1

**Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh  
*Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam***



# Pengertian Doa

**Dari sudut bahasa :**  
Memohon dan mengharap

**Dari sudut istilah :**  
Permohonan seorang hamba  
kepada Tuhan-Nya dengan  
penuh pengharapan

**Sumber:** الذكر والدعاء والعلاج بالرقى من الكتاب والسنة



## Adab & Panduan Berdoa

# Dalil Pensyariatan Doa

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ  
إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي  
سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ




### Firman Allah yang bermaksud :

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.

**(Surah Ghafir, ayat 60)**



# Pembahagian Doa





# Doa Ibadah

دُعَاءُ الْعِبَادَةِ

- **Memohon ganjaran pahala melalui amal soleh yang dilakukan.**
- **Contohnya:**  
**Mengucap Dua Kalimah Syahadah, menunaikan solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya**



# Doa Ibadah

دُعَاءُ الْعِبَادَةِ

- **Memohon ganjaran pahala melalui amal soleh yang dilakukan.**
- **Contohnya:**  
**Mengucap Dua Kalimah Syahadah, menunaikan solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya**



## Adab & Panduan Berdoa

# **Adab Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam**



## Adab & Panduan Berdoa

1.

**Ikhlas semata-mata kerana Allah, bukan kerana selain daripada Allah seperti riya' (menunjuk-nunjuk), 'ujub (kagum dengan diri sendiri), sum'ah (suka dipuji orang), takabbur (berlagak dan bangga diri) dan lain-lain lagi.**

**Firman Allah yang bermaksud :**

"Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar."  
**(Surah al-Baiyyinah, ayat 5)**



## Adab & Panduan Berdoa

2.

**Seseorang yang berdoa mestilah benar-benar mentauhidkan Allah pada sifat Rububiyyah-Nya, Uluhiyyah-Nya dan Nama serta Sifat Allah Taala yang mulia. Dia mestilah menerima segala arahan Allah agar mentaati-Nya dan meninggalkan segala maksiat kepada-Nya.**

**Firman Allah yang bermaksud :**

“Dan apabila hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku maka (jawablah): sesungguhnya Aku amat hampir; Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku, dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul.”

**(Surah al-Baqarah, ayat 186)**



## Adab & Panduan Berdoa

**3.**

### Memohon kepada Allah dengan menyebut Nama Nama-Nya Yang Mulia (Asma' al-Husna)

#### Firman Allah yang bermaksud :

“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik, maka serulah kepada-Nya dengan nama-nama itu, dan pulaukanlah orang yang berpaling dalam masa menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.” (Surah al-A’raf, ayat 180)



## Adab & Panduan Berdoa

4.

### **Memuji Allah dan berselawat kepada *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam* sebelum memohon sesuatu kepada Allah.**

Daripada Fudhalah bin 'Ubaid Radhiyallahu 'Anhu berkata: Ketika kami duduk bersama *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam*, tiba-tiba masuk seorang lelaki lalu solat dan kemudiannya dia berdoa : Ya Allah, ampunkanlah dosaku dan rahmatilah diriku. Lantas Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda: "Kamu tergesa-gesa wahai orang yang berdoa. Apabila kamu selesai solat, duduklah dan pujiyah Allah dengan pujian yang selayaknya untuk-Nya. Kemudian berselawatlah kepada-Ku. Selepas itu, barulah kamu berdoa.."

**Hadith riwayat at-Tirmizi.**



## Adab & Panduan Berdoa

5.

### Mengadap kiblat ketika berdoa.

**Imam Muslim meriwayatkan daripada Saidina Umar bin al-Khattab Radhiayallahu 'Anhu berkata:** Ketika hari Peperangan Badar, Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam melihat kepada orang musyrikin yang berjumlah 1000 orang, sedangkan tentera Baginda hanya 319 orang sahaja. Lalu Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam menghadap ke arah kiblat, kemudian Baginda menadah tangan berdoa dan memohon kepada tuhannya : "Ya Allah, kurniakanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, jika musnah kumpulan ini di kalangan orang-orang Islam, nescaya Engkau tidak akan disembah lagi di bumi." Baginda berterusan bermunajat kepada tuhannya dalam keadaan mengangkat tangan dan menghadap kiblat sehingga jatuh kain dari atas kedua bahunya.

**Kata Imam an-Nawawi rahimahullah di dalam Syarah Sahih Muslim :**

Berdasarkan Hadith ini, adalah disunatkan menghadap kiblat dan mengangkat kedua-dua belah tangan ketika berdoa.



## Adab & Panduan Berdoa

6.

### Mengangkat kedua-dua belah tangan

**Daripada Salman al-Farisi Radhiyallahu 'Anhu berkata:**

Telah bersabda *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam*: "Sesungguhnya tuhanmu yang Maha Pemalu dan Maha Mulia malu dengan hamba-Nya apabila hamba-Nya itu mengangkat kedua belah tangan-Nya berdoa tetapi tiada apa-apa yang diberikan Allah kepadanya."

**Hadith saih riwayat Abu Daud.**



## Adab & Panduan Berdoa

7.

**Yakin bahawa Allah akan memustajabkan doa dan menghadirkan hati ketika memohon kepada-Nya.**

● **Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :**

"Berdoalah kepada Allah dalam keadaan kalian benar-benar yakin bahawa Allah akan memustajabkan doa tersebut. Ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah tidak memustajabkan doa daripada hati yang lalai dan tidak khusyu."

**Hadith hasan riwayat at-Tirmizi.**



# Perkara Yang Boleh Membantu Ke Arah Mustajabnya Doa, Biiznillah (Dengan Izin Allah)



1.

### Ikhlas dalam berdoa

**Ikhlas adalah merupakan perkara terpenting dalam berdoa kerana Allah telah memerintahkan kita melaksanakannya.**

**Firman Allah yang bermaksud :**

Dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal kamu kepada-Nya."  
**(Surah al-A'raf, ayat 29)**

Ikhlas di dalam berdoa bermaksud beriktiqad dengan penuh keyakinan bahawa Allah 'Azza Wa Jalla sangat berkuasa dan mampu untuk melaksanakan segala hajat kita dan menghindari sifat tidak yakin kepada Allah Taala.



## Adab & Panduan Berdoa

2.

**Bertaubat bersungguh-sungguh dan kembali kepada Allah. Sesungguhnya maksiat adalah merupakan penyebab utama yang menjadi penghalang mustajabnya doa. Seseorang yang muh berdoa kepada Allah, sewajarnya bersegera bertaubat dan beristighfar kepada Allah.**

**Firman Allah yang menceritakan tentang kisah Nabi Nuh 'Alaihissalam yang berkata kepada kaumnya :**

Sehingga aku berkata (kepada mereka): Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah la Maha Pengampun. la akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu. Dan la akan memberimu harta serta anak-pinak; dan la akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai.

**(Surah Nuh, ayat 10-12)**



### 3.

### **Berdoa kepada Allah dengan penuh rasa rendah diri, hina, harap, takut dan khusyu'.**

**Sifat-sifat ini adalah merupakan ruh kepada doa, intipatinya dan matlamat utama kepada ibadah doa iaitu melahirkan rasa kehambaan yang mendalam dalam diri seseorang yang berdoa kepada Allah.**

**Firman Allah yang bermaksud :**

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.

**(Surah al-A'raf, ayat 55)**



## Adab & Panduan Berdoa

# 4. Merintih dan mengulang-ulang doa serta tidak berasa jemu memohon kepada Allah. Perkara ini boleh terhasil dengan cara mengulangi doa sebanyak dua atau tiga kali. Afdhalnya adalah mengulanginya sebanyak tiga kali bertepatan dengan sunnah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

Abdullah bin Mas'ud Radhiyallahu 'Anhu meriwayatkan bahawa *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam* suka berdoa dan beristighfar sebanyak tiga kali.

**Hadith riwayat Abu Daud dan an-Nasaie.**



# 5. Berdoa ketika dalam keadaan senang (belum ditimpa sebarang ujian dan masalah) dan memperbanyakkan doa ketika dalam situasi tersebut.

*Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:*

"Ingatlah Allah ketika kamu dalam keadaan senang, nescaya Allah akan mengingatimu ketika kamu dalam keadaan susah."

**Riwayat Ahmad.**



## Adab & Panduan Berdoa

# Perkara-Perkara Yang Menjadi Penghalang Kepada Mustajabnya Doa



### 1.1 Melampau dalam berdoa dan biadap dengan Allah.

Daripada Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata, telah bersabda *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam*: "Doa seseorang hamba itu akan dimustajabkan oleh Allah selagi mana dia tidak berdoa dengan perkara yang melibatkan dosa dan memutuskan tali silaturrahim."

**Riwayat Muslim.**



## Adab & Panduan Berdoa

### 1.2

**Para ulama mengklasifikasikan perbuatan-perbuatan berikut sebagai tidak beradab dengan Allah:**

- **Meminta agar Allah mengekalkannya di atas muka bumi (tidak mati)**
- **Berdoa agar dia berjaya dalam melakukan sesuatu perbuatan yang berunsurkan maksiat seperti berjudi, bergaduh dan sebagainya**
- **Meminta agar dia dimatikan segera kerana tidak dapat menanggung ujian hidup**
- **Meninggikan suara ketika berdoa**
- **Melampau-lampau dalam menyusun kata dalam berdoa**
- **Berlebih-lebihan menangis, merintih dan meraung ketika berdoa**
- **Meminta sesuatu daripada Allah secara terperinci**



## Adab & Panduan Berdoa

### 1.3

**Terdapat sebuah kisah daripada anak Sa'ad bin Abi Waqqas Radhiyallahu 'Anhu. menceritakan bahawa ayahnya mendengar dia berdoa :**

"Ya Allah, kurniakanlah kepadaku syurga dan segala nikmatnya dan keindahannya dan sekian, sekian, sekian....

Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada api neraka, belenggunya dan sekian, sekian, sekian....

Lalu Sa'ad bin Abi Waqqas berkata kepada anaknya: Sesungguhnya aku pernah

mendengar *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam* bersabda: "Akan datang satu kaum yang melampau-lampau ketika berdoa."

Lantas Sa'ad pun menasihati anaknya: Wahai anakku, berhati-hatilah daripada tergolong dalam golongan tersebut. Ketahuilah bahawa jika kamu dikurniakan ganjaran syurga, nescaya kamu akan dikurniakan segala apa yang ada di dalamnya. Jika kamu diselamatkan daripada api neraka, nescaya kamu akan terselamat dari segala kejahanatan yang terdapat padanya.

**Riwayat Abu Daud dan at-Tabrani.**



**2.1**

**Terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan oleh Allah pada makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.**



## Adab & Panduan Berdoa

2.2

**Terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan oleh Allah pada makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.**

**Daripada Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata, telah bersabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:"**

Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik dan Allah tidak menerima melainkan perkara yang baik sahaja. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang bertaqwa sepertimana Allah memerintahkan para rasul-Nya.



## Adab & Panduan Berdoa

### 2.3

# Terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan oleh Allah pada makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.

#### Firman Allah yang bermaksud:

Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik, dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(**Surah al-Mukminun, ayat 51**)

Wahai orang yang beriman, makanlah dari rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu beribadat kepada-Nya.

(**Surah al-Baqarah, ayat 172**)

Kemudian Baginda menyebut seorang lelaki yang berada dalam permusafiran yang jauh, dalam keadaan kusut masai, mengangkat kedua-dua belah tangannya ke arah langit dan berdoa:

"Wahai tuhan, wahai tuhan", dalam keadaan makanannya adalah haram, minumannya adalah haram dan dia diberi makan daripada sumber yang haram. Bagaimanakah lelaki ini akan dimustajabkan doanya?"

**Riwayat Muslim.**



### 3 Tergesa-gesa agar doa dimakbulkan oleh Allah dan meninggalkan berdoa apabila merasakan bahawa doanya tidak dimakbulkan oleh Allah.

**Daripada Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata, telah bersabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:**

"Seseorang di kalangan kalian akan dimustajabkan doanya selagi mana dia tidak tergesa-gesa mengharapkan doanya dimakbulkan seperti katanya : Aku telah berdoa tetapi Allah tidak memustajabkan doaku."

**Riwayat al-Bukhari dan Muslim.**



## Adab & Panduan Berdoa

4

**Terlibat dengan maksiat dan mencipta sesuatu perkara baru dalam ibadah, mengamalkannya dan menyebarkan kepada masyarakat serta menisbahkan perkara tersebut kepada *Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam.***

**Kata sebahagian ulama Salaf as-Soleh:**

“Janganlah kamu mengeluh kerana lambatnya doamu dimakbulkan Allah, sedangkan kamu telah menutup jalannya dengan maksiat.”



5

### Meninggalkan kewajipan yang telah diwajibkan oleh Allah.

**Daripada Huzaifah Radhiyallahu 'Anhu, daripada Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bahawa Baginda bersabda :**

"Demi yang jiwaku berada di tangan-Nya. Hendaklah kamu menyuruh ke arah perkara ma'ruf dan mencegah segala perkara mungkar. Jika tidak, nescaya Allah akan menghantar azab-Nya kepada kalian. Kemudian, apabila kalian berdoa kepada-Nya, doa kalian tidak lagi didengari oleh-Nya."

**Riwayat at-Tirmizi.**



[www.jomsolah.com](http://www.jomsolah.com)

# Bahagian 2

## Koleksi Doa & Zikir



### Doa Mohon Diri Sendiri Dan Zuriat Agar Sentiasa Mendirikan Solat

رَبِّ آجُعْلُنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي



رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءٍ

Wahai Tuhan, jadikanlah daku orang yang mendirikan solat, dan zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku.

(Surah Ibrahim, ayat 40)



### Doa Masuk Ke Dalam Masjid

بِسْمِ اللَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ،

اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Dengan nama Allah. Selawat dan salam ke atas Rasulullah,  
ya Allah, bukakanlah pintu-pintu rahmat-Mu.

(Riwayat Abu Daud, Ibnu as-Sunni, Muslim dan Ibnu Majah)



### Doa Keluar Dari Masjid

بِسْمِ اللَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ،  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ، اللَّهُمَّ اغْصِمْنِي  
مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Dengan nama Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah,  
ya Allah, sesungguhnya aku memohon kurniaan daripada-Mu,  
ya Allah, peliharalah hamba-Mu daripada syaitan yang direjam.

(Riwayat Ibnu Majah)



### Doa Selepas Tahiyat Akhir Sebelum Salam

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ،  
وَمِنْ عَذَابِ جَهَنَّمِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ،  
وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan dengan-Mu daripada azab kubur,  
daripada azab api neraka jahanam, daripada fitnah kehidupan dan kematian dan  
daripada kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



### Bacaan Sujud Sajadah Atau Tilawah

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَرَهُ وَشَقَّ  
سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ، فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ.

Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, tiada daya upaya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah.

(Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)



### Doa Keluar Dari Rumah

بِسْمِ اللَّهِ، تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ،  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, tiada daya upaya dan kekuatan melainkan dengan Allah.

(Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)



### Doa Masuk Ke Dalam Rumah

بِسْمِ اللَّهِ وَكَجْنَا، وَبِسْمِ اللَّهِ خَرَجْنَا،  
وَعَلَى اللَّهِ رَبِّنَا تَوَكَّلْنَا

Dengan nama Allah, kami masuk ke dalam rumah, dengan nama Allah kami keluar dan kepada Allah, tuhan kami, kami bertawakal.

(Riwayat at-Tirmizi dan Ibnu Majah)



### Doa Pada Waktu Pagi

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا،  
وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon daripada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang baik dan amalan yang diterima.

(Riwayat Ibnu as-Sunni dan Ibnu Majah)



## Koleksi Doa & Zikir

### Zikir Pagi & Petang

(Dibaca sebanyak 7x)

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ  
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Cukuplah Allah bagiku, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia,  
kepada-Nya aku bertawakkal dan Dialah Tuhan 'Arasy yang agung.

(Riwayat Ibnu as-Sunni dan Abu Daud)



## Koleksi Doa & Zikir

### Doa Petang (Dibaca sebanyak 3x)

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ  
الْتَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

**Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada segala kejahanan makhluk-Nya.**

(Riwayat Ahmad, an-Nasa'ie, Ibnu As-Sunni, at-Tirmizi dan Ibnu Majah)



### Doa Sebelum Tidur

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا

Dengan nama-Mu ya Allah, aku mati dan aku hidup.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



### Doa Bangun Tidur

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا  
بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا، وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

**Segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami selepas mematikan kami dan kepada-Nya kami akan kembali.**

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



### Doa Ketika Terkejut Di Tengah Malam

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ،  
وَشَرِّ عِبَادِهِ، وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُونِ

Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kemurkaan-Nya dan pembalasan-Nya, daripada kejahanan hamba-hamba-Nya, daripada hembusan dan tiupan syaitan dan daripada kehadirannya.

(Hadith riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi)



### Doa Ketika Menziarahi Pesakit

(Dibaca sebanyak 7x)

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ  
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ

Aku mohon daripada Allah Yang Maha Agung,  
Tuhan 'Arasy Yang Agung agar menyembuhkanmu.

(Hadith riwayat at-Tirmizi dan Abu Daud)



### Bacaan Sebelum Wuduk

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**“Dengan nama Allah”**

(Hadith riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad)



## Koleksi Doa & Zikir

### Bacaan Selepas Wuduk

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

“Aku mengaku bahwasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, Yang tiada sekutu bagi-Nya dan aku mengaku bahwasanya Nabi Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya”

(Riwayat Muslim)

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

“Ya Allah, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada golongan orang-orang yang bersih”

(Riwayat at-Tirmizi)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Maha Suci Engkau Ya Allah dan segala puji bagi Allah. Aku mengaku bahwasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Aku memohon keampunan-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu”

(An-Nasa'ie dalam Amal al-Yaum wa al-Lailah)



# Doa Ketika Ditimpa Sesuatu Yang Tidak Diingini

قَدْرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

Allah telah mentakdirkannya (menetapkannya). Segala perkara yang dikehendakiNya, pasti akan berlaku.

(Riwayat Muslim)



### Doa Mohon Selamat Daripada Hutang

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ،  
وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

Ya Allah, cukupkanlah diriku dengan rezeki yang halal daripada-Mu daripada segala perkara yang telah Engkau haramkan. Cukupkanlah aku dengan bergantung harap kepada kelebihan-Mu daripada aku bergantung kepada selain daripada-Mu.

(Riwayat at-Tirmizi)



### Doa Kepada Seseorang Yang Baru Menerima Cahaya Mata

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ، وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ،  
وَبَلَغَ أَشْدَهُ، وَرُزِقْتَ بِرَهْ

Semoga Allah memberkati bagimu pada kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu.  
Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga  
apabila anak itu dewasa kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya.

(Al-Azkar An-Nawawi)



# Doa Kepada Orang Yang Mendoakan Kepada Seseorang Yang Baru Menerima Cahaya Mata

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَزَّاكَ اللَّهُ خَيْرًا،  
وَرَزَّقَكَ اللَّهُ مِثْلَهُ، وَأَجْزَلَ ثُوابَكَ

Semoga Allah melimpahkan berkat-Nya kepadamu, mengurniakan balasan yang baik untukmu, mengurniakan seumpamanya kepadamu, dan memperbanyakkan pahala kepadamu.

(Al-Azkar An-Nawawi)



### Doa Mohon Pelindungan Untuk Anak

أَعِيذُكَ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ  
وَهَامَّةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ

Aku mohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap syaitan, binatang yang berbisa dan bencana 'ain (pandangan mata yang menimpa penyakit).

(Riwayat al-Bukhari)



### Doa Ketika Ditimpa Rasa Sedih Dan Dukacita

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ،  
وَالْبُخْلِ وَالْجُنُونِ، وَضَلَاعِ الدِّينِ وَغَلَبةِ الرِّجَالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku mohon perlindungan dengan-Mu daripada rasa susah hati dan kesedihan, daripada lemah dan malas, daripada sifat bakhil dan sifat penakut dan daripada desakan berhutang dan paksaan orang.

(Riwayat al-Bukhari)



### Doa Ketika Ditimpa Sesuatu Musibah

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اللَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي  
مُصِيبَتِيْ، وَأَخْلِفْ لِيْ خَيْرًا مِنْهَا

Sesungguhnya kita milik Allah dan kepada-Nya kita akan kembali. Ya Allah, kurniakanlah ganjaran kepadaku di atas musibah yang menimpa diriku dan gantikanlah untukku sesuatu yang lebih baik daripadanya.

(Riwayat Muslim)



### Doa Ketika Ditimpa Rasa Sedih Dan Dukacita

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ، وَلَهُ مَا أَعْطَى، وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ  
بِأَجَلٍ مُسَمٍّ، فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْتَسِبْ

“Sesungguhnya kepunyaan Allah apa yang diambil oleh-Nya dan kepunyaan-Nya jualah apa yang diberi. Setiap sesuatu itu telah ditetapkan ajal (tempoh) di sisi-Nya. Maka bersabarlah dan mohonlah ganjaran daripada-Nya.”

(Riwayat Muslim)



### Doa Agar Dipermudahkan Segala Urusan

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا،  
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا

Ya Allah, tiada sesuatu yang mudah melainkan Engkau menjadikan ianya mudah. Engkaulah yang menjadikan sesuatu yang susah itu mudah apabila Engkau mahu menjadikan ianya mudah.

(Riwayat Ibnu Hibban, Ibnu As-Sunni, Ibnu Hajar)



### Doa Orang Musafir Kepada Orang Bermukim

أَسْتَوْدِعُكُمُ اللَّهَ الَّذِي  
لَا تَضِيِّعُ وَدَائِعَهُ.

**“Aku serahkan kamu kepada Allah yang tidak pernah mensia-siakan simpanan yang ditinggalkan kepada-Nya.”**

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)



### Doa Orang Bermukim Kepada Orang Musafir

أَسْتَوْدِعُ اللَّهَ دِينَكَ،  
وَأَمَانَتَكَ، وَخَوَاتِيمَ عَمَلِكَ.

“Aku serahkan agamamu, amanahmu dan penamat amalanmu kepada Allah.”

(Riwayat at-Tirmizi)



### Doa Ketika Berhenti Atau Menginap Di Sesuatu Tempat

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ  
مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

**“Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna  
dan daripada kejahatan semua makhluk”.**

(Riwayat Muslim)



### Doa Tetamu Kepada Tuan Rumah

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمْ فِيمَا رَزَقْتَهُمْ،  
وَاغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ

**“Ya Allah, berkatilah mereka pada rezeki yang telah Engkau berikan kepada mereka,  
ampunilah mereka, dan rahmatilah mereka”.**

(Riwayat Muslim)



### Doa Ketika Angin Kencang

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا،  
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا

**“Ya Allah, aku pinta daripada-Mu kebaikannya dan aku berlindung dengan-Mu daripada keburukannya”**

(Hadith riwayat Muslim)



### Doa Ketika Mendengar Guruh

سُبْحَانَ الَّذِي يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ  
وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ

**“Maha Suci Allah yang diucapkan tasbih oleh guruh dan malaikat dengan memuji-Nya, lantaran takut kepada-Nya.”**

(Apabila Abdullah bin Az-Zubair mendengar guruh beliau diam dan membaca doa ini. Al-Muwatta’)



### Doa Ketika Hujan Turun

اللَّهُمَّ صَبِّرْنَا نَافِعًا

**“Ya Allah, cucurilah kami dengan hujan yang bermanfaat”.**

(Riwayat al-Bukhari)



# Doa Kepada Seseorang Yang Melakukan Kebaikan Kepada Kita

جزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

(untuk lelaki)

جزَاكِ اللَّهُ خَيْرًا

(untuk wanita)

“Semoga Allah memberi balasan yang baik untukmu”.

(Riwayat at-Tirmizi)

**Jawapan balas** kepada ungkapan Jazakallahu khaira ialah:

Wa iyyaka \* (وَإِيَّاكَ) untuk lelaki

Wa iyyaki (وَإِيَّاكِ) untuk wanita

Wa iyyakum (وَإِيَّاكُمْ) untuk kumpulan lelaki yang ramai.

Wa iyya kunna (وَإِيَّاكُنْ) untuk kumpulan perempuan yang ramai.

\*Maksudnya :  
Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran untukmu juga.



### Doa Kepada Pengantin

بَارَكَ اللَّهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ  
وَجَمِيعَ بَنِيكُمَا فِي خَيْرٍ

“Semoga Allah memberkatimu dan ke atasmu dan menghimpunkan kamu berdua dalam kebaikan”.

(Riwayat at-Tirmizi)



# Doa Pengantin Lelaki Kepada Pengantin Perempuan

(Boleh Dibaca Juga Ketika Membeli Kenderaan Baru)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا، وَخَيْرَ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ،  
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا، وَشَرِّ مَا جَبَلْتَهَا عَلَيْهِ

Ya Allah aku memohon kepada-Mu kebaikannya dan segala yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya dan aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatannya dan kejadian yang telah Engkau ciptakan dalam wataknya”.

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)



## Koleksi Doa & Zikir

### Doa Ketika Bersin

Rasullullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:  
Apabila seseorang bersin hendaklah dia berkata:

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Segala puji bagi Allah

Saudara atau temannya hendaklah menjawab:

يَرَحْمَكَ اللَّهُ

Semoga Allah memberi rahmat kepadamu

Bila saudaranya berkata demikian, hendaklah dia menjawab:

يَهْدِيْكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بَالَّكُمْ.

Semoga Allah memberi petunjuk kepadamu dan memperbaiki urusanmu

(Riwayat al-Bukhari)



### Doa Minta Selamat Daripada Syirik Kepada Allah

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أُشْرِكَ بِكَ  
وَأَنَا أَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا أَعْلَمُ

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada melakukan syirik kepada-Mu sedang aku mengetahuinya dan aku minta ampun daripada-Mu di atas perbuatan yang aku tidak mengetahuinya”.

(Riwayat Ahmad)



### Doa Penutup Majlis (Tasbih Kaffarah)

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ،  
أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

“Maha Suci Engkau ya Allah,  
dengan memuji-Mu, aku  
mengaku bahawa tiada  
Tuhan yang berhak disembah  
melainkan Engkau. Aku  
memohon keampunan dan aku  
bertaubat kepada-Mu”.

(Riwayat at-Tirmizi)



### Doa Apabila Memasuki Bulan Ramadan

Diriwayatkan daripada at-Tabrani, daripada Makhul rahimahullah bahawa beliau berdoa apabila mula memasuki Ramadan :

اللَّهُمَّ سَلِّمْنِي لِرَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي،  
وَتَسْلِمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلاً

**Ya Allah, sampaikanlah aku ke dalam bulan Ramadan, serahkanlah Ramadan kepadaku dan ambillah ia daripadaku dengan Engkau menerima amalanku.**

(Riwayat at-Tabrani)



### Doa Ketika Melihat Anak Bulan Ramadan

Daripada Talhah bin 'Ubaidillah Radhiayallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda melihat anak bulan, Baginda akan berdoa: "

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ أَهْلِهِ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ،  
وَالتَّوْفِيقِ لِمَا تُحِبُّ رَبَّنَا وَتَرْضَى، رَبُّنَا وَرَبُّكَ اللَّهُ.

"Allah Maha Besar. Ya Allah, terbitkanlah ke atas kami bulan yang membawa keamanan dan keimanan, kesejahteraan dan Islam serta taufiq ke arah melakukan perkara yang Engkau redhai. Tuhanku dan tuhanmu adalah Allah."

(Riwayat Ahmad dan At-Tirmizi)



### Doa Ketika Berbuka Puasa

Daripada Abdullah bin 'Amru Radhiyallahu 'Anhu berkata bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pernah bersabda: "Sesungguhnya bagi seseorang yang berpuasa itu ketika dia berbuka puasa terdapat doa yang tidak akan ditolak oleh Allah."

Hadith ini sanadnya dhaif.

Daripada Abdullah bin Umar Radhiyallahu 'Anhu berkata adalah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda berbuka puasa, Baginda akan berdoa :

**ذَهَبَ الظَّمَاءُ وَابْتَلَتِ الْعُرُوقُ، وَثَبَّتَ الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Telah hilanglah dahaga, telah basahlah urat saraf dan telah tetaplah ganjarannya di sisi Allah, in sya Allah (dengan izin Allah).

Hadith riwayat Abu Daud, an-Nasa'ie dan Imam ad-Daruquthni meletakkan status hasan pada hadith ini.

Abdullah bin 'Amru Radhiyallahu 'Anhu apabila berbuka puasa, beliau akan membaca:

**اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي**

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu dengan rahmat-Mu yang meliputi segala sesuatu agar mengampunkan dosa dan kesalahanku".

Riwayat Ibnu Majah.



### Doa Ketika Berbuka Puasa Di Rumah Orang Lain

Daripada Anas bin Malik Radhiyallahu 'Anhu menyatakan bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila Baginda berbuka puasa di rumah seseorang,  
Baginda akan berdoa:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمُ الصَّائِمُونَ، وَأَكَلَ طَعَامَكُمُ الْأَبْرَارُ،  
وَصَلَّتْ عَلَيْكُمُ الْمَلَائِكَةُ

“Orang-orang yang berpuasa telah berbuka dengan kamu, dan orang-orang yang mulia telah memakan makanan kamu serta para malaikat telah mendoakan agar kamu mendapat rahmat.”

(Hadith Sahih riwayat Abu Daud)



### Doa Malam Lailatul Qadar

Daripada Ummul Mukminin A'isyah Radhiayallahu 'Anha bahawa beliau pernah bertanya kepada Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:

Wahai Rasulullah, apakah pandanganmu jika aku tahu bilakah malam Lailatul Qadar, apakah doa yang akan kubaca pada malam tersebut?

Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam menjawab: Engkau katakanlah :

اللَّهُمَّ إِنِّي عَفْوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ، فَاعْفُ عَنِّي

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, sukakan kemaafan maka ampunkanlah dosa hamba-Mu."

(Riwayat At-Tirmizi)



### Ucapan Sempena Hari Raya

قَالَ ابْنُ حَجَرَ فِي فَتْحِ الْبَارِيِّ،  
عَنْ جُبَيْرِ بْنِ نُفَيْرٍ قَالَ : "كَانَ أَصْحَابُ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا التَّقَوْا  
يَوْمَ الْعِيدِ يَقُولُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ :  
"تَقْبَلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكَ".

Ibnu Hajar menyatakan di dalam kitabnya Fathul Bari, daripada Jubair bin Nufair berkata bahawa para sahabat Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila mereka bertemu pada Hari Raya, mereka saling mengungkapkan ucapan "Taqabbalallahu minna wa minka" (semoga Allah menerima amalan daripada kami dan kamu)."

(Riwayat Ibnu Hajar)



### Doa Ketika Memakai Pakaian

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِيْ هَذَا (الثُّوْبَ)  
وَرَزَقَنِيْهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّيْ وَلَا قُوَّةٌ

**Segala puji bagi Allah yang memakaikan aku (pakaian) ini, dan memberi rezeki kepada-ku tanpa daya dan kekuatan dariku**

(Riwayat Ahlus Sunan)



### Doa Ketika Memakai Pakaian Baharu

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ كَسَوْتَنِيهِ، أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهِ  
وَخَيْرِ مَا صَنَعَ لَهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَشَرِّ مَا صَنَعَ لَهُ.

**Ya Allah bagi-Mu segala pujian, Engkaulah yang memakaikannya padaku. Aku memohon kepada-Mu kebaikan dan kebaikan tujuan ia dicipta dan aku memohon perlindungan dengan-Mu daripada kejahatannya dan kejahanan tujuan ia dicipta**

(Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan al-Baghawi)



### Doa Apabila Melihat Orang Memakai Pakaian Baru

تُبْلِي وَيُخْلِفُ اللَّهُ تَعَالَى.

Sekiranya rosak, semoga Allah menggantikannya

(Riwayat Abu Daud)

الْبَسْ جَدِيدًا، وَعِشْ حَمِيدًا، وَمُتْ شَهِيدًا.

Pakailah pakaian baru dan hiduplah dalam keadaan terpuji  
dan matilah dalam keadaan syahid

(Riwayat Ibnu Majah dan al-Baghawi)



# Doa Ketika Menanggalkan Pakaian

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah”

(Riwayat at-Tirmizi)



### Zikir Selepas Bangun Dari Tidur

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ،  
وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،

---

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ،

---

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ،

---

رَبِّ اغْفِرْ لِي.

(Riwayat al-Bukhari)



### Zikir Pagi Dan Petang

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ  
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

(Dibaca sebanyak 7 kali)

**Terjemahannya:**

“Cukuplah Allah sebagai pelindung bagiku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, kepada-Nya aku bertawakkal dan Dialah Tuhan yang menguasai ‘Arasy yang agung.”

**Kelebihannya:**

Sabda Rasulullah Sollallahu ‘Alaihi Wa Sallam : “Sesiapa yang membacanya pada waktu pagi dan petang sebanyak tujuh kali, nescaya Allah Taala akan mencukupkannya apa yang diperlukan oleh dirinya daripada pekerjaan dunia dan akhirat”.

(Riwayat Ibnu as-Sunni dan Abu Daud)



### Zikir Pagi Dan Petang

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ  
شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

(Dibaca sebanyak 3 kali)

**Terjemahannya :**

“Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya oleh sesuatu di bumi dan tidak juga di langit, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

**Kelebihannya :**

Sabda Rasulullah Sollallahu ‘Alaihi Wa Sallam :“Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan petang, maka tidak ada sesuatupun yang boleh memudaratkannya.”

(Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi, Ibnu Majah dan Ahmad)



## Koleksi Doa & Zikir

### Zikir Pagi Dan Petang

رَضِيَتْ بِاللَّهِ رَبِّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا

(Dibaca sebanyak 3 kali)

#### Terjemahannya :

“Aku redha Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Nabi Muhammad Sollallahu ‘Alaihi Wa Sallam sebagai nabi .”

#### Kelebihannya :

Sabda Rasulullah Sollallahu ‘Alaihi Wa Sallam :

“Sesiapa yang membacanya sebanyak tiga kali pada waktu pagi dan petang, maka dia akan mendapat keredhaan Allah pada hari kiamat.”

(Riwayat Ahmad, Abu Daud, an-Nasa’ie dan Ibnu as-Sunni)



### Zikir Pagi Dan Petang

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

(Dibaca sebanyak 100 kali)

**Terjemahannya :**

Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya kepujian dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu.”

**Kelebihannya :**

Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam: “Sesiapa yang membacanya sebanyak 100 kali sehari, nescaya Allah akan mengurniakan pahala kepada-Nya seperti memerdekaan sepuluh orang hamba, dituliskan baginya 100 kebaikan, dihapuskan darinya 100 kesalahan dan dia terpelihara daripada syaitan hingga petang dan tiada sesiapa pun yang lebih baik daripada amalannya itu kecuali mereka yang beramal lebih banyak daripada amalannya”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)



### Zikir Pagi

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، عَدَدُ خَلْقِهِ،  
وَرِضاً نَفْسِيهِ، وَزِنَةُ عَرْشِهِ، وَمَدَادُ كَلِمَاتِهِ

(Dibaca sebanyak 3 kali pada waktu pagi)

**Terjemahannya :**

**“Maha Suci Allah dan aku memuji-Nya sebanyak makhluk ciptaan-Nya, keredhaan-Nya, seberat timbangan Arasy-Nya dan sebanyak tinta kalimah-Nya.”**

(Riwayat Muslim)



## Koleksi Doa & Zikir

### Zikir Petang

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

(Dibaca sebanyak 3 kali pada waktu petang)

**Terjemahannya :**

“Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada segala kejahanan makhluk yang jahat.”

**Kelebihannya :**

Sabda Rasulullah Sollallahu ‘Alaihi Wa Sallam: “Sesiapa yang membacanya pada waktu petang, dia tidak akan terkena gigitan kala jengking pada waktu malamnya.”

(Riwayat Ahmad, at-Tirmizi, Ibnu Majah dan an-Nasa’ie)



### Zikir Ketika Berada Dalam Kesusahan

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ  
إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

**Terjemahannya :**

“Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku telah tergolong di kalangan orang-orang yang zalim.”

**Kelebihannya :**

Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :

“Doa saudaraku Zin-Nun. Tidaklah seseorang yang berada dalam kesusahan apabila dia memohon dengannya, kecuali Allah akan melepaskannya daripada kesusahan tersebut.”

Hadith riwayat at-Tirmizi dan al-Hakim



### Zikir Ketika Berada Dalam Kesusahan

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ  
وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ

#### Terjemahannya :

"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Yang Maha Agung, Yang Maha Lemah lembut.  
Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan 'Arasy yang agung. Tiada tuhan yang  
berhak disembah melainkan Allah, Tuhan langit dan bumi dan Tuhan 'Arasy yang mulia."

Riwayat al-Bukhari dan Muslim



## Koleksi Doa & Zikir

### Zikir Selepas Solat

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Dibaca 3x (Riwayat Muslim)

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Dibaca 1x (Riwayat Muslim)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،

اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

Dibaca 1x (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Dibaca 1x (Riwayat Muslim)



### Zikir Selepas Solat

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحِبِّي وَيُمِيِّتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Dibaca 10x selepas Solat Subuh dan Solat Maghrib (Riwayat at-Tirmizi dan an-Nasa'ie)

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

(Riwayat Abu Daud dan an-Nasa'ie)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ

وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ (سورة البقرة)

Dibaca 1X (Riwayat an-Nasa'ie dan Ibnu as-Sunni)



## Koleksi Doa & Zikir

### Zikir Selepas Solat

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿٤﴾ (سورة الإخلاص)

Dibaca 1x (Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan An-Nasa'i)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾  
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾ (سورة الفلق)

Dibaca 1x (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾  
الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾ (سورة الناس)

Dibaca 1x (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

سُبْحَانَ اللَّهِ 33x ، الْحَمْدُ لِلَّهِ 33x ، اللَّهُ أَكْبَرُ 33x  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ 1x

(Riwayat Muslim)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا

Selepas Solat Subuh (Riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan Ibnu as-Sunni)



# Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Kitab Hisnul Muslim oleh Syeikh Dr. Sa'id bin 'Ali bin Wahf al-Qahtani
3. Perisai Muslim oleh Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman

- Nota kuliah ini adalah ringkasan daripada kuliah panjang yang telah disampaikan.
- Sebahagian daripada nota ini memerlukan kepada huraiyan yang lebih terperinci.
- Sebarang pembetulan terhadap kesilapan yang ada amatlah dialu-alukan.
- Penyusun memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang ada.
- Sesungguhnya kesempurnaan adalah hanya milik Allah Taala.

---

Jom Solat telah diasaskan oleh Nadia Syazwani Binti Zahari (Nadia Zahari 1988-2013) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Syawal 1434H bersamaan 16 Ogos 2013.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَاعْفْ عَنْهَا

"Ya Allah, ampunkanlah dosanya, rahmatilah dia, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia."

Disediakan Oleh



**Ustaz Salehuddin  
bin Abu Samah**

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,  
Diploma Pendidikan (KPLI)  
Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak

Panelis Tanyalah Ustaz TV9  
Kolumnis Majalah Al-Ustaz )





[www.jomsolah.com](http://www.jomsolah.com)